KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	13/11/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	TNB			

Tiga empangan hidroelektrik TNB sedia hadapi musim tengkujuh

SinarHarian 13.11.2021_9

KUALA LUMPUR - Tenaga Nasional Berhad (TNB) melakukan persiapan awal menghadapi musim tengkujuh di tiga negeri iaitu Terengganu, Pahang dan Perak dengan mengurangkan paras air di tiga empangan skim hidroelektrik miliknya bagi menampung peningkatan kapasiti air.

Pengarah Urusan TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco), Datuk Nor Azman Mufti berkata, ketiga-tiga empangan TNB di Tasik Kenyir, Cameron Highlands dan Sungai Perak kini bersedia menakung kapasiti air dari hulu sungai.

"Proses pelepasan air secara terkawal di empangan hidroelektrik TNB dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan serta agensi berkaitan," katanya.

Menurut Nor Azman, empangan hidroelektrik TNB bukan sahaja menjana elektrik, malah berfungsi sebagai tebatan banjir dengan keupayaan menampung jumlah air hujan yang besar semasa musim tengkujuh.

"Kapasiti empangan TNB menakung air di hulu-an dapat mengelakkan bencana lebih besar daripada berlaku di kawasan hilir sungai setiap kali musim tengkujuh," katanya.

Jelasnya, air yang ditakung akan dilepaskan semula secara terkawal ke dalam sungai, seterusnya membantu mengawal banjir di hilir empangan TNB.

Nor Azman menasihatkan orang ramai supaya mengutamakan keselamatan, sentiasa waspada dan patuhi arahan pihak berkuasa sekiranya premis dinaiki air.

Jika ada pencawang elektrik ditenggelami air dan operasinya dihentikan, penyambungan semula hanya akan dibuat TNB selepas keadaan selamat.

Sebarang maklumat lanjut mengenai perkhidmatan dan bekalan elektrik, orang ramai boleh menghubungi talian TNB CareLine di **15454** atau Facebook TNB Careline. - *Bernama*